

# COPAN TABLET

Hyoscine butylbromide (10mg)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan COPAN
2. Bagaimana COPAN berfungsi
3. Sebelum menggunakan COPAN
4. Cara menggunakan COPAN
5. Semasa menggunakan COPAN
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan COPAN
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RIMUP

## Apakah kegunaan COPAN

COPAN dikenali sebagai ubat antikolinergik. Ia melegakan kesakitan perut dan kekejangan usus dengan merehatkan sistem pencernaan anda. Ubat ini juga digunakan untuk melegakan kekejangan saluran biliari (pundi hempedu, duktus hempedu, sfinker) kemaluan dan saluran kencing.

## Bagaimana COPAN berfungsi

COPAN mengurangkan peristalsis (pengecutan seperti gelombang) otot licin dan melegakan kekejangan sesetengah organ dalam sistem pencernaan.

Doktor anda mungkin membekalkan COPAN untuk tujuan lain.

Sentiasa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda jika kesakitan tidak bertambah baik atau kesakitan bertambah teruk selepas rawatan.

## Sebelum menggunakan COPAN

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan mengambil COPAN jika anda alah terhadap hyoscine butylbromide atau mana-mana bahan kandungan lain yang disenaraikan di hujung risalah ini.

Beberapa simptom-simptom reaksi alahan termasuk:

- sesak nafas
- berdehid atau susah bernafas
- bengkak pada muka, bibir, lidah atau bahagian badan lain
- ruam kulit, gatal-gatal atau gegata pada kulit

Jangan mengambil COPAN jika anda mempunyai:

- *myasthenia gravis*, satu keadaan di mana otot menjadi lemah dan penat dengan mudah.
- glaukoma – tekanan tinggi dalam mata
- *megacolon* – kolon membesar
- *tachyarrhythmia* – denyutan jantung yang cepat and tidak teratur.
- kelenjar prostat membesar dengan pengecalan kencing

COPAN tidak boleh digunakan apabila perut atau usus tersumbat atau dalam keadaan tertentu di mana aktiviti usus berkurangan.

Keadaan ini boleh diterangkan oleh doktor atau ahli farmasi anda dengan lebih baik.

Jangan mengambil ubat ini selepas tarikh luput yang tercetak pada pek ini atau pembungkusan koyak atau terdapat tanda salahguna.

Jika ubat ini sudah luput atau rosak, kembalikan ubat ini kepada ahli farmasi anda untuk dilupuskan.

Jika anda tidak pasti sama ada anda patut dibekalkan dengan ubat ini, sila tanya doktor anda.

- Sebelum menggunakan COPAN

Beritahu doktor anda jika anda hamil terutamanya semasa trimester pertama, atau bercadang untuk hamil atau menyusukan bayi.

Terdapat maklumat terhad tentang penggunaan COPAN semasa kehamilan dan penyusuan.

Doktor anda akan berbincang dengan anda mengenai risiko dan manfaat mengambil ubat ini.

Kanak-kanak:

Untuk semua anticholinergics - Bayi dan kanak-kanak adalah lebih mudah terdedah kepada kesan toksik anticholinergics. Pemantauan yang rapi adalah disyorkan untuk bayi dan kanak-kanak yang lumpuh spastik (kekejangan otot kekal) atau kerosakan otak kerana tindakbalas yang meningkat kepada anticholinergics telah dilaporkan dalam orang-orang ini dan pelarasan dos sering diperlukan. Apabila anticholinergics diberi kepada kanak-kanak di mana suhu persekitaran adalah tinggi, terdapat risiko peningkatan pesat dalam suhu badan kerana penindasan aktiviti kelenjar peluh berlaku. Reaksi paradoksikal bercirikan teruja melampau boleh berlaku pada kanak-kanak mengambil dos tinggi anticholinergics.

**Warga tua:**

Warga tua boleh bertindak balas kepada dos biasa anticholinergics dengan keterujaan, kegelisahan, mengantuk atau kekeliruan. Warga tua adalah lebih mudah terdedah kepada kesan sampingan antikolinergik seperti sembelit, kekeringan mulut, dan pengejalan kencing (terutamanya lelaki). Jika kesan-kesan sampingan berterusan atau teruk, ubat mungkin perlu dihentikan. Behati-hati apabila anticholinergics diberi kepada warga tua, kerana bahaya berlakunya glaukoma tidak dikenal pasti. Ingatan mungkin terjejas dengan teruk pada warga tua, terutamanya mereka yang sudah mempunyai masalah ingatan, dengan penggunaan berterusan anticholinergics kerana ubat-ubatan ini menghalang tindakan acetylcholine yang bertanggungjawab untuk pelbagai fungsi otak, termasuk fungsi ingatan.

**Pergigian:**

Penggunaan anticholinergics berpanjangan boleh mengurangkan atau menghalang aliran air liur dan seterusnya menyumbang kepada kerosakan gigi, penyakit gusi, jangkitan kulat oral (seriawan mulut) dan ketidakselesaan.

Jika anda belum memberitahu doktor anda tentang mana-mana perkara di atas, beritahunya sebelum anda mula mengambil COPAN.

- *Jika mengambil ubat-ubat lain*

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda sedang mengambil ubat lain, termasuk sebarang ubat yang anda beli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya atau kedai makanan kesihatan.

Sesetengah ubat dan COPAN boleh bertindak balas satu sama lain. Ini termasuk:

- ubat yang digunakan untuk merawat degupan jantung tidak tetap seperti disopyramide
- ubat yang digunakan untuk merawat malaria seperti quinine
- ubat yang digunakan untuk merawat simptom-simptom penyakit Parkinson seperti amantadine
- ubat yang digunakan untuk merawat beberapa masalah mental seperti tricyclic antidepressan dan phenothiazines.
- ubat yang digunakan untuk merawat alahan seperti antihistamine

Ubat-ubat ini mungkin dipengaruhi oleh COPAN atau mungkin menjejaskan fungsinya. Anda mungkin perlu mengambil ubat anda dalam jumlah yang berlainan atau anda mungkin perlu mengambil ubat yang berlainan.

Doktor dan ahli farmasi anda mempunyai lebih banyak maklumat tentang ubat lain yang perlu diberi perhatian atau dielakkan semasa anda mengambil COPAN.

**Cara menggunakan COPAN**

Telan ubat ini dengan segelas air.

- *Berapa banyak harus digunakan*

Ambil COPAN seperti yang dipreskripsikan oleh doktor anda.

Doktor anda akan beritahu anda berapa biji pil yang anda perlu ambil setiap hari.

*Orang dewasa dan kanak-kanak lebih daripada 6 tahun:*

3 – 5 kali setiap hari, 1 hingga 2 biji

- *Bila perlu digunakan*

Ambil ubat anda seperti yang diarahkan oleh doktor.

- *Berapa lama perlu digunakan*

Kesakitan perut yang semakin teruk atau berterusan harus disiasat oleh doktor anda untuk menentukan punca kesakitan.

- *Jika terlupa menggunakan*

Jika sudah dekat waktu dos seterusnya, tinggalkan dos yang terlupa dan ambil dos seterusnya mengikut jadual biasa.

Jika tidak, ambil dos yang tertinggal sebaik sahaja anda teringat dan kemudian kembali mengambil ubat anda seperti biasa.

Jangan gandakan dos untuk menggantikan dos yang terlupa.

Ini mungkin meningkatkan peluang anda mendapat kesan sampingan yang tidak diingini.

Jika anda sukar mengingati masa untuk mengambil pil anda, minta petua daripada ahli farmasi anda.

- *Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)*

Jika anda fikir anda atau orang lain mungkin terlebih mengambil COPAN, hubungi doktor anda untuk mendapatkan nasihat atau pergi ke bahagian kecemasan hospital yang terdekat dengan segera.

Ini mesti dilakukan walaupun tiada tanda ketidakselesaan atau keracunan.

Anda mungkin memerlukan rawatan perubatan dengan segera.

Simptom-simptom terlebih dos termasuk: rasa mengantuk, mulut kering, denyutan jantung laju dan gangguan penglihatan.

### **Semasa menggunakan COPAN**

- Perkara yang perlu dilakukan

Jika anda akan mula mengambil sebarang ubat baru, beritahu doktor dan ahli farmasi anda bahawa anda sedang mengambil COPAN.

Kekejangan perut atau usus mungkin sementara atau mungkin menunjukkan masalah yang lebih serius.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan mengambil COPAN untuk merawat sebarang masalah lain melainkan diarah oleh doktor anda.

Jangan beri ubat anda kepada orang lain, walaupun mereka mengalami keadaan yang sama seperti anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Berhati-hati apabila memandu atau mengendalikan mesin sehingga anda tahu bagaimana COPAN mempengaruhi anda.

### **Kesan-kesan sampingan**

Semua ubat boleh membawa kesan sampingan. Kadang kala kesan sampingan ini serius, tetapi selalunya tidak.

Minta nasihat doktor atau ahli farmasi anda jika anda mempunyai sebarang kebimbangan mengenai kesan mengambil ubat ini.

Jangan kluatir dengan senarai ini. Anda mungkin tidak mengalami sebarang kesan sampingan tersebut.

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengalami sebarang kesan sampingan berikut yang membimbangkan anda:

- mulut kering
- denyutan jantung laju
- kurang berpeluh
- ruam kulit
- sukar buang air kecil

Beritahu doktor anda jika anda mendapati apa-apa yang membuatkan anda rasa tidak sihat. Kesan sampingan lain yang tidak disenaraikan di atas mungkin berlaku di kalangan sesetengah orang.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web [portal.bpfk.gov.my](http://portal.bpfk.gov.my) (*Consumers → Reporting*).

### **Cara penyimpanan dan pelupusan COPAN**

- Penyimpanan

Simpan ubat anda dalam peknyanya sehingga tiba masa untuk mengambilnya.

Jika anda mengeluarkan ubat daripada peknyanya, ia mungkin tidak dapat dikekalkan dalam keadaan yang baik.

Simpan ubat anda di tempat suhu bawah 30°C. Lindungi daripada cahaya.

Jangan simpan COPAN atau ubat lain dalam bilik mandi atau dekat sinki.

Jangan tinggalkan ubat di atas unjuran tapak tingkap atau dalam kereta.

Haba dan kelembapan boleh merosakkan sesetengah ubat.

Simpan di tempat yang tidak boleh dicapai oleh kanak-kanak.

Almari yang berkunci sekurang-kurangnya satu setengah meter dari aras lantai ialah tempat yang sesuai untuk menyimpan ubat.

- Pelupusan

Jika doktor atau ahli farmasi anda mengarahkan anda berhenti mengambil COPAN atau ubat ini sudah melepasi tarikh luputnya, sila tanya ahli farmasi anda apa yang patut dilakukan dengan sebarang ubat yang tinggal.

### **Maklumat lanjut**

- Rupa dan warna produk

COPAN TABLET berbentuk bulat, berdiameter 7mm, berwarna putih dengan tanda 'DUOMA/DUOMA' dan 'd'.

- Bahan-bahan kandungan  
Bahan aktif:

- Hyoscine butylbromide

Bahan tidak aktif:

- Promigel
- Magnesium stearate
- PVP
- Tepung jagung
- Aerosil
- Laktosa

- Nombor MAL  
MAL20000832AZ

### **Pengilang**

Duopharma (M) Sdn. Bhd.  
(42491-M)  
Lot. 2599, Jalan Seruling 59,  
Kawasan 3, Taman Klang Jaya,  
41200 Klang, Selangor Darul  
Ehsan, Malaysia.

**Pemegang Pendaftaran  
Produk**

Duopharma (M) Sdn. Bhd.  
(42491-M)  
Lot. 2599, Jalan Seruling 59,  
Kawasan 3, Taman Klang Jaya,  
41200 Klang, Selangor Darul  
Ehsan, Malaysia.

**Tarikh kemaskini RIMUP**  
24/02/2016

**Nombor siri**  
BPFK(R4/1)170216/00042